

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PELAWAAN MEMBERI CADANGAN

Universiti Sains Malaysia mempelawa pembida yang berkelayakan untuk mengemukakan cadangan :-

TIG/RFP/26/JBEND/U/01 : PELAWAAN MEMBERI CADANGAN : PELANTIKAN PENGURUS DANA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BAGI TEMPOH 5 TAHUN (2026 – 2031).

Kelayakan RFP : i) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - Syarikat diperbadankan di bawah **Akta Syarikat 2016**.
 ii) Berdaftar Dengan Pihak **Suruhanjaya Sekuriti Malaysia** Serta Memiliki Perakuan *Capital Market Service License* (CMSL) Yang Sah Dan Aktif.
 iii) Sekiranya Syarikat Menggunakan Wakil Atau Pengurus Portfolio Yang Menjalankan Aktiviti Pengurusan Dana, Setiap Individu Wajib Memiliki Perakuan **Capital Markets Services Representative's License** (CMSRL) Daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
 iv) Pembida Wajib Tersenarai Sebagai Salah Satu Institusi Kewangan Yang Diluluskan Menerima Deposit Daripada Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan.

Tarikh Tutup RFP : 31 Mac 2026 (Selasa), Jam 12.00 Tengahari

Tarikh Dokumen Dijual : 4 Mac 2026 hingga 18 Mac 2026.

Harga Dokumen : **RM300.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender**.

Syarat Permohonan Dokumen Softcopy : Dokumen RFP (*softcopy*) boleh didapati melalui permohonan emel kepada sperolehan@usm.my dan wajib mengemukakan secara atas talian dokumen dan butiran seperti berikut:

- i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. **(Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).**
- ii) **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Perakuan Capital Market Service License (CMSL),**
- iii) Perakuan *Capital Markets Services Representative's License* (CMSRL) - Jika Berkaitan.
- iv) Maklumat syarikat beserta nombor telefon pegawai yang bertanggungjawab.

Syarat Penghantaran Dokumen : i) Penghantaran Dokumen RFP dalam bentuk **hardcopy & softcopy (pendrive)** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama RFP dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Seksyen Perolehan, Jabatan Bendahari, Bangunan C04, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.**

- ii) Penghantaran melalui perkhidmatan Pos adalah tidak digalakkan. Sekiranya pembida memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, pembida hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup RFP selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pembida yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

*** Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana pembida yang dipilih dan berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran RFP tersebut dan tidak terikat untuk menerima RFP yang terendah atau mana-mana RFP.**